

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9502

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah ibu tidak berkahwin (*unwed mothers*) mengikut pecahan kaum, negeri, umur dan kurungan pendapatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mempunyai rekod mengenai individu yang tidak berkahwin seperti mana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat. Ini adalah kerana, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui JPN hanya mempunyai rekod individu-individu yang tampil mendaftarkan maklumat kelahiran, pengangkatan, kad pengenalan, perkahwinan dan penceraian bukan Islam, kewarganegaraan serta kematian. Dalam hal ini, dokumen pengenalan diri bagi individu yang mendaftar adalah dikeluarkan berdasarkan permohonan dan kelayakan individu tersebut.